

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM

1. Karya penyertaan yang dipertandingkan adalah mengenai peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), antaranya: **Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Wira Merah, Kemampanan Bandar, Bandar Pintar, Pengurusan Sisa Pepejal, Kitar Semula, Kredit Komuniti**, skop tugas dan peranan jabatan di bawah KPKT serta agensi KPKT.
2. Penyertaan terbuka kepada warga Malaysia yang berkhidmat sebagai wartawan, jurufoto, penerbit, pembangun portal, pereka laman portal dan pengamal media yang bekerja sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media cetak, penyiaran TV / radio dan portal media serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
3. Stringer, wartawan sambilan, jurufoto sambilan layak menyertai Anugerah Kecemerlangan Media KPKT.
4. Bagi kategori **Anugerah 'Influencer' Terbaik**, penyertaan terbuka kepada orang awam, penjawat awam, pekerja swasta, ahli pakar (KOL) dan mana-mana yang berkaitan. Kad media tidak diperlukan.
5. Bahan-bahan penyertaan yang telah disiarkan dan diterbitkan mulai **1 September 2024 sehingga 31 Ogos 2025** layak menyertai.
6. Penyertaan dibuka mulai 26 Mac 2025; **tarikh tutup penyertaan pada 5 September 2025**.
7. Semua bahan berita/rencana bercetak; foto; portal berita; multimedia; video; radio layak dipertandingkan.
8. Karya asli sahaja diterima.
9. Bagi karya salinan yang diterbitkan atau disiarkan dalam platform yang berlainan dari yang ditetapkan dalam kategori yang disertai, karya salinan hanyalah sekadar pembuktian dan rujukan penghakiman pada karya asli yang dihantar.
10. Penghantaran bahan penyertaan adalah melalui bahan yang telah **dimuatkan ke dalam simpanan awan (cloud storage)** dan **ruangan pautan (link)** yang terdapat pada borang penyertaan hendaklah **diisi dengan pautan bahan tersebut**.
11. Salinan kad pengenalan dan sekeping gambar profil peserta/kumpulan hendaklah dimuatkan ke dalam simpanan awan bersama bahan penyertaan.
12. Boleh rujuk grafik panduan muatnaik bahan penyertaan: https://mpi.my/wp/wp-content/uploads/2025/03/SyaratPenyertaan_AKeMEDIA-KPKT-2025.pdf
13. Pautan borang penyertaan: <https://mpi.my/award/akemedia-kpkt>
14. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI & KPKT.
15. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
16. Tiada yuran penyertaan dan tiada had penyertaan.
17. Terdapat 8 kategori yang dipertandingkan termasuk kategori Anugerah Khas Menteri.
18. Kategori Anugerah Khas adalah kemasukan automatik dari penyertaan-penyertaan kategori lain.
19. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KHUSUS

KATEGORI ANUGERAH PENYIARAN TELEVISYEN TERBAIK

HADIAH:

Pemenang Pertama :	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua :	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga :	RM 1,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya video televisyen seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, pandangan, rencana, dokumentari, wawancara, program mengenai **isu-isu berkait dengan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan, Wira Merah, Kemampanan Bandar, Bandar Pintar, Pengurusan Sisa Pepejal, Kitar Semula, Kredit Komuniti, mana-mana skop tugas & peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jabatan di bawah KPKT dan agensi KPKT** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya kewartawanan video televisyen yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina, Tamil, Iban dan Melanau, hendaklah ia dikemukakan bersama-sama terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Bagi karya video televisyen:
 - Karya yang disiarkan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera berkenaan.
 - Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
 - Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan dalam **format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p.
6. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. Kategori ini terhad untuk karya asli yang disiarkan melalui stesen televisyen, ditayang di televisyen. **Karya yang disiarkan melalui platform dalam internet / media sosial / portal berita tidak layak sertai kategori ini.**
8. Jika video itu bersiri, setiap video mestilah disusun mengikut aturan.

KATEGORI ANUGERAH VIDEO PORTAL / DALAM TALIAN TERBAIK**HADIAH:**

Pemenang Pertama :	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua :	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga :	RM 1,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya video dalam talian seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, pandangan, rencana, dokumentari, wawancara, program mengenai **isu-isu berkait dengan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan, Wira Merah, Kemampanan Bandar, Bandar Pintar, Pengurusan Sisa Pepejal, Kitar Semula, Kredit Komuniti, mana-mana skop tugas & peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jabatan dibawah KPKT dan agensi KPKT** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya kewartawanan video dalam talian yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina, Tamil, Kadazandusun, Iban dan Melanau, hendaklah ia dikemukakan terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Bagi karya video dalam talian:
 - Karya yang disiarkan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera (sekiranya ada) berkenaan.
 - Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
 - Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan dalam **format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p.
 - Pautan video yang disediakan adalah sahih dan tidak luput.
6. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. Kategori ini terhad untuk karya asli yang disiarkan & ditayang melalui internet dalam portal berita, platform video dalam talian atau aplikasi Youtube.
8. **Pengamal media dari organisasi stesen televisyen serta karya yang disiarkan melalui televisyen dan media sosial (selain Youtube) tidak layak sertai kategori ini.**
9. Jika video itu bersiri, setiap video mestilah disusun mengikut aturan.

KATEGORI ANUGERAH PENYIARAN RADIO TERBAIK**HADIAH:**

Pemenang Pertama :	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua :	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga :	RM 1,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya radio atau audio siar (podcast) seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, pandangan, rencana dan wawancara, bual bicara, program mengenai **isu-isu berkait dengan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan, Wira Merah, Kemampanan Bandar, Bandar Pintar, Pengurusan Sisa Pepejal, Kitar Semula, Kredit Komuniti, mana-mana skop tugas & peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jabatan dibawah KPKT dan agensi KPKT** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya kewartawanan radio yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina, Tamil, Kadazandusun, Iban dan Melanau, hendaklah ia dikemukakan terjemahan skrip ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Bagi karya radio:
 - Karya yang disiarkan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan penyunting/penerbit (sekiranya ada) berkenaan.
 - Durasi/tempoh karya radio sekurang-kurangnya 5 minit, tetapi tidak melebihi 60 minit.
 - Hendaklah kemukakan satu file sinopsis yang juga mengandungi **senarai**
 - **cap masa (timestamp)** yang menampilkan sorotan penting.
 - Hanya siaran pertama sahaja layak menyertai. **Ulang siar tidak layak.**
 - Karya radio atau audio siar (podcast) hendaklah dalam **format MP3** dan dimuat ke dalam simpanan awan (*cloud storage*) sendiri.
 - Pautan karya radio (sekiranya ada) yang disediakan adalah sah dan tidak luput.
6. Pautan (*link*) simpanan karya hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah disiarkan sama ada di stesyen radio/ portal berita/ platform radio dalam talian.

KATEGORI ANUGERAH PENERBITAN ARTIKEL TERBAIK

HADIAH:

Pemenang Pertama :	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua :	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga :	RM 1,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya bertulis seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, kolum, pandangan, rencana dan wawancara, bual bicara mengenai **isu-isu berkait dengan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan, Wira Merah, Kemampanan Bandar, Bandar Pintar, Pengurusan Sisa Pepejal, Kitar Semula, Kredit Komuniti, mana-mana skop tugas & peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jabatan di bawah KPKT dan agensi KPKT** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya pelaporan dan penulisan kewartawanan yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina, Tamil, Kadazandusun, Iban dan Melanau, hendaklah ia dikemukakan terjemahan skrip ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Karya penulisan hendaklah dikemukakan dalam **format PDF**.
6. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah diterbitkan sama ada di akhbar/ majalah/ mingguan/ portal berita.
8. Jika tulisan itu bersiri, setiap salinan artikel mestilah disusun mengikut aturan.

KATEGORI ANUGERAH KEWARTAWANAN FOTO TERBAIK

HADIAH:

Pemenang Pertama :	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua :	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga :	RM 1,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya kewartawanan foto yang mempunyai nilai berita dan ciri-ciri estetika mengenai **isu-isu berkait dengan isu-isu berkait dengan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan, Wira Merah, Kemampanan Bandar, Bandar Pintar, Pengurusan Sisa Pepejal, Kitar Semula, Kredit Komuniti atau mana-mana skop tugas & peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jabatan di bawah KPKT dan agensi KPKT.**
2. Karya foto yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya.
3. Hanya sekeping foto untuk setiap penyertaan. Penyertaan karya yang dihantar secara foto esei adalah tidak layak.
4. Gambar-gambar pelancaran seperti acara memotong riben, kek, gimik pelancaran dan sebagainya adalah tidak digalakkan.
5. Bahan penyertaan hendaklah dikemukakan dalam **format JPEG atau PDF** yang dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
6. Karya foto hendaklah disertakan bersama kapsyen atau keterangan gambar (*caption*) dan salinan keratan.
7. Bagi karya dari medium **selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**, perlu dimuatkan sekali **terjemahan kapsyen / keterangan gambar** dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris** untuk pemahaman para hakim.
8. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah diterbitkan sama ada di akhbar/ majalah/ mingguan/ portal berita.

Syarat-Syarat Penyertaan Anugerah Kecemerlangan Media KPKT 2025

KATEGORI ANUGERAH 'CONTENT' MEDIA SOSIAL TERBAIK

HADIAH:

Pemenang Pertama :	RM 3,000, trofi dan sijil
Pemenang Kedua :	RM 2,000, trofi dan sijil
Pemenang Ketiga :	RM 1,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya yang dihasil dalam media sosial seperti pelaporan berita, komentar, ulasan, pandangan, rencana, dokumentari, wawancara, program mengenai **isu-isu berkait dengan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan, Wira Merah, Kemampanan Bandar, Bandar Pintar, Pengurusan Sisa Pepejal, Kitar Semula, Kredit Komuniti, mana-mana skop tugas & peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jabatan di bawah KPKT dan agensi KPKT** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Karya kewartawanan video media sosial yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang pihak berkuasa tempatan.
3. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
4. Bagi karya Bahasa Cina, Tamil, Kadazandusun, Iban dan Melanau, hendaklah ia dikemukakan terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
5. Bagi karya video media sosial:
 - Karya yang disiarkan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera (sekiranya ada) berkenaan.
 - Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
 - Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan dalam **format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p.
 - Pautan video media sosial yang **disediakan adalah sah dan tidak luput.**
6. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
7. Kategori ini terhad untuk karya asli yang disiarkan pada platform media sosial seperti Instagram, Tiktok, Facebook, X (Twitter) melalui saluran rasmi organisasi. **Karya yang disiarkan melalui televisyen tidak layak sertai.**

Syarat-Syarat Penyertaan Anugerah Kecemerlangan Media KPKT 2025

KATEGORI ANUGERAH 'INFLUENCER' TERBAIK

HADIAH:

Pemenang : RM 3,000, trofi dan sijil

KRITERIA:

1. Anugerah ini diberikan kepada karya-karya yang dihasil oleh pengengaruh melalui media sosial seperti komentar, ulasan, penceritaan, pandangan, pesanan khidmat masyarakat, seruan kesedaran, pelaporan, rencana, temubual dan program mengenai **isu-isu berkaitan dengan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan, Wira Merah, Kemampanan Bandar, Bandar Pintar, Pengurusan Sisa Pepejal, Kitar Semula, Kredit Komuniti, mana-mana skop tugas & peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jabatan di bawah KPKT dan agensi KPKT** dengan penggunaan fakta yang tepat secara konsisten dan relevan.
2. Kategori ini terbuka kepada orang awam, penjawat awam, pekerja swasta, ahli pakar (KOL) dan mana-mana yang berkaitan. Kad media tidak diperlukan.
3. Karya video media sosial yang memberi impak dan peningkatan kesedaran, pendidikan produk dan perkhidmatan kepada masyarakat, pemberi khidmat, pemain industri dan negara secara keseluruhannya tentang pihak berkuasa tempatan.
4. Karya-karya yang mengupas isu dengan mendalam, menjalankan penyelidikan mendalam mengenai subjek yang dilaporkan dan **tidak tertumpu kepada teks ucapan atau kenyataan media** semata-mata.
5. Bagi karya Bahasa Cina, Tamil, Kadazandusun, Iban dan Melanau, hendaklah ia dikemukakan terjemahan/sarikata ke Bahasa Melayu atau Inggeris.
6. Bagi karya video media sosial:
 - Karya yang disiarkan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan jurukamera (sekiranya ada) berkenaan.
 - Hanya tayangan siaran pertama sahaja layak menyertai. **Tayangan ulang siar tidak layak.**
 - Bahan penyertaan video hendaklah dikemukakan dalam **format MP4** dengan resolusi video 720p atau 1080p.
 - Pautan video media sosial yang **disediakan adalah sahih dan tidak luput.**
7. Bahan penyertaan hendaklah dimuatkan ke simpanan awan (*cloud storage*) sendiri. Pautan(*link*) simpanan tersebut hendaklah dinyatakan pada ruangan pautan dalam borang penyertaan.
8. Kategori ini terhad untuk karya asli yang disiarkan pada platform media sosial seperti Instagram, Tiktok, Facebook, X (Twitter) melalui saluran rasmi organisasi. **Karya yang disiarkan melalui televisyen tidak layak sertai.**
9. Bilangan ukuran capaian dan keterlibatan media (media reach & engagement) seperti bilangan penonton, lihat, *likes*, komen, penanda (bookmark), kongsi akan diambil kira dalam sebahagian penilaian.